

## **BAB 3**

### **LATAR BELAKANG SAUDARA BARU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PERMASALAHANNYA**

#### **3.0 PENDAHULUAN**

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di kawasan Lembah Klang dan diketuai oleh seorang menteri di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Wilayah ini ditadbir oleh sebuah dewan bandaraya yang dinamakan sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai status yang sama seperti 13 negeri lain di Malaysia dan ianya telah diserahkan kepada kerajaan Persekutuan pada tahun 1974.<sup>141</sup>

Manakala berhubung dengan isu Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat beberapa institusi dari badan kerajaan dan swasta yang bertanggungjawab dalam menguruskan Saudara Baru antaranya ialah JAWI, JAKIM, YADIM, IKIM, PERKIM, ABIM dan sebagainya. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat beberapa institusi samada badan kerajaan atau swasta dalam menguruskan hal ehwal Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### **3.1 PERANAN PERTUBUHAN KERAJAAN DAN SWASTA ISLAM BERKAITAN SAUDARA BARU**

Pelbagai pertubuhan kerajaan dan swasta memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti menyediakan beberapa kemudahan untuk para Saudara Baru yang baru dan juga yang

---

<sup>141</sup>Laporan Tahunan 1995,Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

telah lama memeluk agama Islam. Antaranya ialah menyediakan sejumlah dana yang besar untuk urusan pengendalian hal ehwal para Saudara Baru dalam bentuk kewangan dan beberapa sumbangan yang lain antara agensi yang bertanggungjawab dalam hal ini adalah seperti berikut:

### **3.1.1 Pertubuhan Kerajaan**

#### **i- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur(JAWI)<sup>142</sup>**

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 apabila berkuatkuasanya Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (1952) sebagaimana diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (1974). Penubuhan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berikutan dengan tertubuhnya negeri Wilayah Persekutuan. Pengerusinya yang pertama ialah Tun Abdul Razak iaitu Perdana Menteri Malaysia yang kedua.<sup>143</sup>

Bangunan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tersergam indah di hadapan Masjid Negara memainkan peranan penting dalam penyebaran dan fahaman Islam dalam kalangan Saudara Baru khasnya yang bermastautin di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia diuruskan atau ditadbir secara langsung oleh satu unit yang terletak di bawah jabatan tersebut iaitu Unit Saudara Baru<sup>144</sup>

---

<sup>142</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *Dakwah Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 124

<sup>143</sup>*Ibid.*

<sup>144</sup>Temubual dengan pegawai di Caw.Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha, 1hb Mac 2010 jam 10.00 pagi.

di bawah Pengurusan Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan<sup>145</sup>. Unit ini merupakan organisasi utama dan tertua yang mengurus golongan yang ingin memeluk Islam, mengadakan kelas-kelas pengajian, memantau serta memberi kaunseling dan menjadi rujukan utama Saudara Baru sekiranya mereka mengalami masalah. Unit ini dapat memberi kebajikan kepada Saudara Baru, antara fungsinya ialah menguruskan pengislaman dan pendaftaran saudara Muslim, pengeluaran kad akuan masuk Islam, mengurus kebajikan saudara Muslim, kaunseling dan khidmat nasihat saudara Muslim, kelas pengajian harian saudara Muslim dan latihan serta bimbingan kepada saudara Muslim<sup>146</sup>.

Selain itu, di antara prosidur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ialah menetapkan bagi mana-mana individu yang ingin memeluk agama Islam dan didaftarkan secara rasmi perlu bermastautin di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini bermakna sesiapa yang bermastautin di luar daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak boleh didaftarkan sebagai Saudara Baru di bawah undang-undang yang telah diperuntukan.<sup>147</sup> Hasil maklumat yang telah pengkaji perolehi, kebanyakannya Saudara Baru yang berdaftar di Jabatan agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, status pekerjaan dan tempat lahir.<sup>148</sup>

---

<sup>145</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my/index> diakses pada 23 Mac 2012.

<sup>146</sup> *Ibid.*

<sup>147</sup> Temubual dengan pegawai di Cawangan Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha 11hb Mac 2010, jam 10.00 pagi.

<sup>148</sup> Temubual dengan pegawai di Cawangan Saudara Baru Jawi, Nik Esmeera bt. Nik Mustapha 11hb Mac 2010, jam 10.00 pagi.

Selain itu juga, JAWI turut menyediakan beberapa aktiviti kepada Saudara Baru antaranya ialah:<sup>149</sup>

- a) Menganjurkan kelas-kelas bimbingan agama Islam untuk Saudara Baru.
- b) Mengadakan kursus-kursus dakwah Islamiyah di kalangan Saudara Baru.
- c) Mengislamkan orang yang mahu memeluk agama Islam.
- d) Menyalurkan bantuan kewangan, makanan dan peralatan dapur.
- e) Mengadakan program kunjung mengunjung ke premis kediaman Saudara Baru.
- f) Mengadakan konvensyen tahunan untuk Saudara Baru.
- g) Mengadakan majlis berbuka puasa dan sambutan Hari Raya Aidil Fitri.
- h) Mengadakan majlis-majlis ilmu di luar Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) seperti di hotel, sekolah, masjid, pusat peraginan, dan dengan mengadakan majlis kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri lain.
- i) Mengadakan aktiviti-aktiviti hari keluarga.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan tersebut adalah bagi memenuhi beberapa objektif yang telah ditetapkan, antaranya ialah untuk melahirkan satu masyarakat maju yang

---

<sup>149</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 125.

menjadikan Islam satu cara hidup yang sempurna berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith serta untuk melahirkan masyarakat yang terpelihara dari segi akidah dan syariah<sup>150</sup>.

Justeru itu, Unit Saudara Baru JAWI juga menekankan aspek pengajian dan pengisian ilmu. Bagi mencapai hasrat tersebut, kelas pengajian Islam dan tahsin al-Qur'an dijalankan bagi kemudahan dan kebajikan Saudara Baru. Manakala kelas pengajian Islam pula terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Lazimnya, sesi pagi bermula pada 8.45 pagi sehingga 11.00 pagi dan bagi sesi petang pula bermula pada 2.30 petang-4.45 petang. Kelas ini diadakan dari hari Isnin hingga hari Jumaat. Kelas pengajian ini telah dibahagikan kepada empat tahap iaitu pra asas, asas, pertengahan dan lanjutan. Antara program kelas pengajian yang telah ditawarkan ialah iqra', pengajian al-Qur'an, feqah, tauhid, akhlak, tajwid, sirah, praktikal solat dan hafazan. Manakala kelas al-Qur'an pula diadakan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula dari jam 8.45 pagi hingga 11.00 pagi yang menawarkan subjek tajwid dan latihan, talaqqi, tafsir dan hafazan<sup>151</sup>.

Di samping itu terdapat juga kursus-kursus intensif yang dijalankan bagi meningkatkan taraf kefahaman Saudara Baru terhadap Islam samada dari sudut pengisian ilmu dan juga praktikal. Antara program yang telah dijalankan oleh adalah seperti Kursus Pemantapan Akidah dan Kursus Motivasi Akidah. Program tersebut dijalankan bagi mengukuhkan lagi akidah mereka yang masih lagi memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar. Terdapat juga majlis ilmu yang dijalankan dalam bentuk

---

<sup>150</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my/index> diakses pada 23 Mac 2012.

<sup>151</sup> *Ibid.*

ceramah dan kuliah berdasarkan tajuk yang telah dipilih serta Kursus Fardhu Ain Intensif yang berbentuk teori dan praktikal turut diadakan bagi menambahkan kefahaman, ilmu dan pengetahuan mengenai Islam di kalangan Saudara Baru<sup>152</sup>.

## **ii- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM )**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM ) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997 selaras dengan pembangunan dan kemajuan Islam yang bertambah mantap di Malaysia. Sebelum ini ia dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam yang diletakkan di bawah penguasaan Jabatan Perdana Menteri.<sup>153</sup>

Selain itu, penubuhan JAKIM juga adalah ekoran daripada cadangan Raja-Raja Melayu dalam Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu pada tahun 1968 yang mahukan satu Jabatan Agama Islam yang perlu diselaraskan bagi menggembeleng usaha pembangunan dan kemajuan umat Islam ke arah yang lebih kukuh serta mendapat perhatian dunia antarabangsa. Jabatan ini diketuai oleh seorang menteri dan ianya bertanggungjawab untuk melaksanakan salah satu program di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Di antara bidang tugas program ini meliputi semua tugas badan-badan perancangan dan penyelarasan yang dapat dirumuskan seperti berikut:<sup>154</sup>

---

<sup>152</sup> Yusri Bin Abu (2004), “Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru: Suatu Kajian Di Kuala Lumpur”, Disertasi Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 160.

<sup>153</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 138.

<sup>154</sup> *Ibid.*, hlm. 139.

- a) Usaha untuk memperbaiki dan menyeragamkan undang-undang dan pentadbiran yang berkaitan pendidikan Islam, hal ehwal Islam dan hukum syarak di seluruh negara.
- b) Memastikan pembangunan negara mantap dan jentera kerajaan berjalan dengan licin dengan mengadakan kegiatan-kegiatan Islam.
- c) Mengelola dan memastikan program dan aktiviti Islamiah dilakukan berjalan dengan sempurna.
- d) Mengadakan pelbagai program dan aktiviti dalam melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam pentadbiran kerajaan dan dalam jabatan-jabatan kerajaan.
- e) Usaha dalam memantapkan kesucian akidah dan ajaran Islam di negara ini.
- f) Usaha dalam memelihara keharmonian ummah dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan Islam.
- g) Usaha untuk memberi sumbangan ke arah mempertingkatkan dan memperkuatkan kedudukan agama Islam dan umatnya di Malaysia.

JAKIM akan berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan beberapa objektif seperti berikut:

- (i) Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada semua masyarakat.
- (ii) Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhikmah.

- (iii) Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.<sup>155</sup>

Berhubung dengan Saudara Baru pihak JAKIM memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan mereka. Di JAKIM ada satu Bahagian yang ditubuhkan untuk mentadbir dan menjaga hal-ehwal para Saudara Baru. Terdapat beberapa unit berkaitan Saudara Baru ditubuhkan di bahagian ini seperti unit hal ehwal orang-orang Asli. Setiap unit bertanggungjawab untuk mengelolakan kursus, mendapatkan laporan perihal Saudara Baru daripada semua Jabatan Agama Negeri dan melakukan lain-lain aktiviti memantapkan pegangan agama Islam oleh para Saudara Baru serta sentiasa bekerjasama dan turut sama dengan Jabatan Agama Negeri-negeri, badan-badan dakwah untuk menjayakan setiap program yang dianjurkan berkaitan Saudara Baru.

### **iii- YADIM**

Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia ditubuhkan pada 1974 berperanan untuk menyelaras dan meyatukan badan-badan dakwah dan membantu badan-badan tersebut berperanan secara membina untuk pembangunan umat Islam dan meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat<sup>156</sup>. Yayasan ini juga akan memastikan masyarakat Malaysia bergiat aktif dalam pembangunan Islam di Malaysia.<sup>157</sup>

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, hlm. 138.

<sup>156</sup> Yayasan Dakwah Islam Malaysia, [http://www.yadim.com.my/kenali\\_kami](http://www.yadim.com.my/kenali_kami), diakses pada 25 Mac 2012.

<sup>157</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 140.

Untuk menjadi penjana dan pemangkin aktiviti-aktiviti dakwah yang dirancangkan, YADIM telah memperkenalkan Dasar Pemasyarakatan dan Dasar Profesional. Dasar pemasyarakatan YADIM adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat dari segenap lapisan dalam kegiatannya sebagai tenaga-tenaga sukarela<sup>158</sup>. Selain itu, YADIM juga turut menentukan bahan setiap gerakan dakwah berjalan dalam bentuk yang konstruktif dan dikehendaki oleh umat Islam. Ia juga berfungsi sebagai pengumpul dana dan kini memberi bantuan kepada badan-badan dakwah di Malaysia<sup>159</sup>.

Berhubung dengan Saudara Baru pihak YADIM memainkan peranan penting dalam menjaga kebijakan mereka. Pihak YADIM sentiasa berkerjasama dengan badan-badan dakwah yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta seperti menganjurkan konvensyen-konvensyen berkaitan Saudara Baru, kursus-kursus dan lain-lain aktiviti.

#### iv- IKIM

IKIM telah ditubuhkan pada 18 Februari 1992. Pelancaran IKIM sebagai sebuah Institut Kefahaman Islam telah dilancarkan pada tarikh 3 Julai 1992 serentak dengan aktiviti pertamanya, iaitu Kongres Menjelang Abad 21 Islam dan Wawasan 2020. Ia berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.<sup>160</sup>

---

<sup>158</sup> Yayasan Dakwah Islam Malaysia, [http://www.yadim.com.my/kenali\\_kami](http://www.yadim.com.my/kenali_kami), diakses pada 25 Mac 2012.

<sup>159</sup> Ghazali Darusalam (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication &Distributors Sdn. Bhd, hlm. 126.

<sup>160</sup> <sup>160</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 151.

IKIM ditubuhkan untuk mencapai beberapa objektif utama yang telah digariskan seperti berikut:<sup>161</sup>

- a) Melakukan beberapa aktiviti perundingan dan penyelidikan tentang peranan Islam dan umat Islam untuk menghadapi hakikat dunia kontemporari.
- b) Menjadi tuan rumah untuk mengadakan perbincangan atau forum bagi sarjana Islam dari dalam dan luar negara untuk kepentingan bersama.
- c) Bertanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada umat Islam tentang kefahaman Islam, isu-isu antarabangsa yang boleh memberi kesan kefahaman Islam kepada umat Islam di negara ini.
- d) Bertindak sebagai agen sumber maklumat dalam hal ehwal Islam di negara ini.

Berhubung dengan Saudara Baru pihak IKIM memainkan peranan penting dalam menjaga kebijakan mereka. Pihak IKIM sentiasa berkerjasama dengan badan-badan dakwah yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta dalam membuat penyelidikan dan kajian berkaitan hal ehwal dan aktiviti-aktiviti berkaitan Saudara Baru serta terlibat dalam beberapa program atau kursus yang diadakan berkaitan Saudara Baru. IKIM juga menyediakan khidmat nasihat dan sentiasa menghantar kakitangannya untuk menyertai bersama beberapa aktiviti yang berkaitan dengan Saudara Baru.

### **3.1.2 Pertubuhan Bukan Kerajaan**

Di antara pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang terlibat aktif dalam hal ehwal Saudara Baru ialah seperti berikut:

---

<sup>161</sup> *Ibid.*, hlm. 152.

### **i- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia ( PERKIM )**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah diasaskan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang ditubuhkan pada 19 Ogos 1960<sup>162</sup>. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berjaya mendapat kerjasama dengan kerajaan Libya yang turut membiayai pertubuhan ini. Pertubuhan ini bergiat dalam kegiatan dakwah dan kebajikan orang-orang Islam dan juga Saudara Baru.

PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan merupakan pertubuhan sukarela yang diasaskan untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan masyarakat serta menyediakan perlindungan dan bantuan kepada golongan yang kurang upaya seperti anak-anak yatim dan golongan-golongan orang miskin yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama selaras dengan ajaran Islam. Selain itu, PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan juga bekerjasama dengan badan-badan kebajikan dan dakwah seperti JAKIM, JAWI, ABIM dan lain-lain mengenai maklumat Saudara Baru dan mengelolakan beberapa program yang berkaitan dengan Saudara Baru<sup>163</sup>.

Di samping itu, PERKIM juga berfungsi untuk mengembangkan ajaran Islam kepada mereka yang bukan Islam terutama kepada mereka yang tidak mempunyai sebarang anutan agama. Ia juga bertujuan untuk menolong golongan Saudara Baru menambah kefahaman agama dan amalan di dalam satu akidah Islam di samping

---

<sup>162</sup> PERKIM: <http://www.perkim.net.my/>, diakses pada 25 Mac 2012.

<sup>163</sup> *Ibid.*

memberi bantuan kepada Saudara Baru yang berada di dalam kesusahan, ditinggalkan keluarga akibat memeluk agama Islam dan lain-lain lagi<sup>164</sup>.

PERKIM Bahagian Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ditubuhkan untuk mencapai dua objektif yang tersendiri iaitu<sup>165</sup>:

- ( i ) Sebagai pusat mengembangkan ajaran Islam kepada mereka bukan Islam
- ( ii ) Untuk meningkatkan kefahaman Saudara Baru terhadap ajaran Islam dengan membuka kelas-kelas agama, kursus, latihan serta kungjung mengunjung rumah Saudara Baru.

## **ii- Angkatan Belia Islam Malaysia ( ABIM )**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (ABIM) telah diasaskan oleh sekumpulan belia Islam yang berhasrat untuk menyebarkan dakwah Islam dengan menyediakan ahli-ahli dakwah dalam pelbagai bidang ilmu. ABIM ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 yang dipengerusikan oleh Ustaz Razali Nawawi sebagai Presiden Pertama ABIM.<sup>166</sup>

Antara cita-cita utama ABIM ialah bagi menyumbang secara proaktif pembinaan sebuah masyarakat Islam yang mampu menjadi teras terhadap proses pembinaan negara bangsa Malaysia yang utuh di dalam pelbagai aspek kehidupan. Untuk mencapai cita-cita tersebut, pertubuhan ini menumpukan kepada usaha membangun kerangka faham

---

<sup>164</sup> *Ibid.*

<sup>165</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 215.

<sup>166</sup> *Ibid.*, hlm. 170.

masyarakat terhadap agama Islam sebagai satu bentuk cara hidup yang menyeluruh serta mempertegaskan prinsip-prinsip masyarakat madani di dalam segala aspek kemasyarakatan, perundangan dan kenegaraan<sup>167</sup>.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ABIM untuk Saudara Baru ialah:-

- (i) Mengadakan kelas-kelas bimbingan agama seperti membaca al-Qur'an, solat, fekah, tauhid dengan tenaga pengajar yang dilantik pada hari Ahad.
- (ii) Mengadakan kelas-kelas perbincangan pada hari biasa iaitu kepada sesiapa yang tidak datang pada hari Ahad.
- (iii) Mengadakan program kebajikan dan tajaan untuk kanak-kanak dengan memberi bantuan peralatan persekolahan dan kewangan.
- (iv) Program Islamcare yang membantu golongan miskin, cacat anggota, juvana bermasalah dan penghuni-penghuni rumah kebajikan.

Di antara objektif yang telah digariskan oleh ABIM ialah:

- (i) Menerangkan Islam kepada orang bukan Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum, bahasa dan pelbagai budaya hidup, umur dan pekerjaan.

---

<sup>167</sup> Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.abim.org.my/profil-abim/sejarah.html>, diekses pada 25 Mac 2012.

- (ii) Memberi pendidikan dan bimbingan yang secukupnya kepada Saudara Baru dan pada masa yang sama memupuk semangat ukhuwwah Islamiyah dalam kalangan Saudara Baru<sup>168</sup>

### **iii- Malaysian Chinese Muslim Ummah ( MACMA )**

Persatuan Cina Muslim Malaysia atau nama singkatannya MACMA telah ditubuhkan sejak 1994 untuk membolehkan orang-orang Cina Muslim di Malaysia menjalankan kegiatan dakwah Islam dalam kalangan orang-orang Cina. Sejak daripada itu MACMA menjalankan hubungan baik dengan pertubuhan dan jabatan kerajaan dan swasta untuk mendapat sokongan kewangan serta kerjasama dari program-program dakwah. Antara pertubuhan dan badan tersebut ialah seperti PERKIM, JAWI, JAIS, Persatuan Darul Fitrah, ABIM, dan JAKIM.<sup>169</sup> Selain itu juga, MACMA juga mempunyai beberapa cawangan di seluruh Malaysia yang diketuai oleh seorang pengurus seperti di negeri Kedah, Perak, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak, Selangor, Sabah, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang<sup>170</sup>.

Persatuan MACMA ini telah menggariskan beberapa objektif dalam pentadbirannya iaitu:

- (i) Melahirkan sebuah masyarakat Cina Muslim yang bersatu padu dan disenangi.
- (ii) Mewakili masyarakat Cina Muslim dalam hal-hal kebajikan masyarakat Cina Muslim.

---

<sup>168</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 171.

<sup>169</sup> *Ibid.*, hlm. 231

<sup>170</sup> MACMA: <http://www.macma.org.my>, diakses pada 27 Mac 2012.

- (iii) Mengeratkan persahabatan antara Cina Muslim dengan semua bangsa.

Sehubungan dengan itu, MACMA juga berperanan untuk menyediakan beberapa aktiviti untuk masyarakat Cina Muslim di Malaysia seperti berikut:

- (i) Mengadakan kelas-kelas bimbingan agama dalam bahasa Cina, bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.
- (ii) Menghantar wakil-wakil untuk memberi ceramah di seminar, majlis dialog.
- (iii) Menerbitkan buletin dan risalah berkaitan agama Islam dalam bahasa Cina, Melayu dan English
- (iv) Memberi bantuan kebajikan seperti kewangan, bantuan biasiswa, bantuan sekolah dan lain-lain bantuan.
- (v) Mengadakan kegiatan ziarah dan melawat ahli-ahli MACMA.
- (vi) Mengadakan hubungan dua hala dengan masyarakat Cina di negeri China melalui lawatan, pameran, penerbitan majlis dialog dan sebagainya.
- (vii) Mengadakan program bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta.
- (viii) Menganjurkan majlis-majlis berbuka puasa dan hari raya dan hari keluarga.
- (ix) Mengadakan kaunter khidmat nasihat untuk masyarakat Cina Muslim

#### **iv-Persekutuan Persatuan India Muslim Malaysia ( PERMIM)**

PERMIM ditubuhkan pada tahun 1973 dengan tujuan untuk menjaga kebajikan masyarakat India Muslim di Malaysia. Persatuan ini berpejabat di Kuala Lumpur iaitu di jalan Masjid India. Pengasasnya ialah Tan Sri Haji S.O.K Ubaidullah. Persatuan ini berfungsi sebagai tempat perbincangan persatuan-persatuan Islam India Muslim mengenai masalah-masalah seperti pendidikan, kebajikan sosio-ekonomi masyarakat India Muslim dan sebagainya.<sup>171</sup> Persatuan ini mempunyai objektif yang tersendiri antaranya ialah:

- (i) Memupuk cita-cita dalam diri setiap ahli untuk membentuk sebuah masyarakat India Muslim yang taat pada Islam.
- (ii) Merancang, membentuk dan melaksanakan program-program yang boleh memberi kesedaran Islam dalam kalangan ahli.
- (iii) Membantu dan memberi sokongan kepada program-program yang dirancang oleh negara.
- (iv) Membantu meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya masyarakat India Muslim.
- (v) Menjadikan PERMIM sebagai sebuah pertubuhan yang mendapat reputasi yang baik serta diiktiraf masyarakat tempatan dan antarabangsa.<sup>172</sup>

---

<sup>171</sup> Ab Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.*, hlm. 235.

<sup>172</sup> *Ibid.*, hlm. 237.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kumpulan yang menjadi sasaran sebaran dakwah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimana pesatnya kemajuan sains dan teknologi pada abad ini, namun usaha dakwah terutama kepada Saudara Baru tidak boleh dibiarkan dan dilepaskan begitu sahaja. Dalam situasi yang penuh dengan cabaran seperti perkembangan dunia barat yang semakin meresapi kebudayaan timur, maka peranan individu Muslim mesti turut serta dalam menangkis dan turut berusaha bagi memelihara masyarakat Islam khususnya kepada Saudara Baru dari terus dibelenggu oleh ancaman-ancaman tersebut.

### **3.2 DATA DAN STATISTIK SAUDARA BARU DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Penulis telah mendapatkan beberapa data dan maklumat mengenai Saudara Baru yang telah berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dari tahun 2002 hingga 2007. Untuk pengetahuan umum juga penulis diberitahu oleh pihak JAWI, iaitu mereka yang berdaftar bagi tempoh tahun tersebut adalah daripada mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada masa memeluk agama Islam. Oleh kerana beberapa masalah teknikal, pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan hanya dapat memberikan maklumat dan data berkaitan Saudara Baru bagi tempoh tersebut di atas. Penulis telah memecahkan data-data tersebut untuk membina carta *pie* dan jadual. Menurut pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ( JAWI ), semua maklumat yang diberikan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan secara keseluruhan kepada pihak umum. Daripada graf *pie* dapat digambarkan beberapa kriteria mengenai Saudara Baru yang berdaftar di Jabatan Agama

Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pecahan data mengenai Saudara Baru adalah seperti berikut di bawah:

**i. Bangsa dan Agama**

Berdasarkan maklumat yang diperolehi menunjukkan terdapat maklumat bangsa dan agama asal Saudara Baru yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi tahun 2002 hingga 2007.

**a) Bangsa**

Jadual 1: Bangsa dan Agama

Bil.	Bangsa
1.	Cina
2.	India
3.	Orang Asli
4.	Punjabi
5.	Sabah
6.	Sarawak
7.	Serani
8.	Indonesia
9.	Filipina
10.	Thailand
11.	Jepun
12.	Eropah
13.	Lain-Lain

Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di W. P. K. Lumpur Tahun 2000 – 2007

Mengikut Jadual 1, terdapat 13 kategori bangsa yang berdaftar sebagai Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini termasuklah mereka yang lahir di Malaysia dan yang lahir di luar Malaysia. Saudara Baru yang lahir di Malaysia adalah seperti bangsa Cina, India, Orang Asli, Punjabi, Sabah, Sarawak dan Serani. Manakala bangsa asing

yang berdaftar sebagai Saudara Baru ialah seperti bangsa Filipina, Thailand, Jepun, Eropah dan lain-lain.<sup>173</sup>

**b) Agama Asal.**

Jadual 2: Agama Asal

Bil	Agama Asal
1.	Hindu
2.	Buddha
3.	Kristian
4.	Lain-Lain (Konfuciusme) (Taoisme )

Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di W.P K.Lumpur Tahun 2000 – 2007

Mengikut Jadual 2 di atas, kebanyakan Saudara Baru yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) pada asalnya adalah beragama Hindu dari kalangan kaum India, Buddha dari kalangan kaum Cina , Kristian dari kalangan kaum Cina , India dan dari suku kaum dari Sabah dan Sarawak dan lain-lain termasuklah Atheis dan Sikh.<sup>174</sup> Sehubungan dengan itu, pertukaran agama dari agama asal ke agama Islam ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Di antara faktor-faktor tersebut ialah faktor perkahwinan, faktor keluarga, faktor benarnya agama Islam, faktor kurang faham dan keliru terhadap agama asal, faktor tidak percaya pada agama sendiri, faktor mimpi dan lain-lain faktor.

---


<sup>173</sup> Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di W.Persekutuan, K.Lumpur Tahun 2000 – 2007.

<sup>174</sup> Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di W.Persekutuan, K.Lumpur Tahun 2000 – 2007.

## ii-Jumlah Saudara Baru yang Berdaftar Pada Tahun 2002 hingga 2007

a) Data Saudara Baru Pada Tahun 2002 Yang Berjumlah 802 Orang


Carta 1: Peratus Pecahan Mengikut Bangsa 2002



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 1, menunjukkan pecahan peratusan Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2002 di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Berdasarkan carta di atas menunjukkan bangsa Cina merupakan pemeluk agama Islam yang terbanyak iaitu 28 % dikuti oleh masyarakat pribumi Sabah Sarawak sebanyak 24% kemudian bangsa India 22%, Eropah, Filipina dan lain –lain bangsa sebanyak 5%, Punjabi 3%, Jepun dan Thailand 2% , bangsa Serani dan Asli sebanyak 1%.

Carta 2: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2002




Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala Carta 2 pula menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru pada tahun 2002 yang berdaftar di JAWI. Mengikut data tersebut agama asal Saudara Baru yang memeluk Islam yang paling tinggi ialah Kristian sebanyak 359 orang diikuti oleh Hindu 147 orang, Buddha 166 orang dan lain-lain agama seramai 130 orang.

b) Maklumat Saudara Baru Pada Tahun 2003 Yang Berjumlah Sebanyak 851 Orang


Carta 3: Peratus Pecahan Mengikut Bangsa, 2003



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Berdasarkan Carta 3 di atas, menunjukkan bangsa Cina merupakan pemeluk agama Islam yang teramai iaitu sebanyak 34 % dikuti oleh bangsa India 23%, masyarakat peribumi Sabah Sarawak 21%, Eropah 2%, Filipina 3% dan lain – lain bangsa 11%, Punjabi 2%, Jepun dan Thailand 1% serta bangsa Serani 1% dan tiada data Orang Asli yang memeluk Islam di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tahun 2003.

Carta 4: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2003




Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 4 pula menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru pada tahun 2003 iaitu, Kristian seramai 308 orang, Hindu 170 orang, Buddha 206 orang dan lain-lain agama seramai 172 orang.

c) Data Saudara Baru Pada Tahun 2004 Yang Berjumlah 713 Orang


Carta 5: Peratus Pecahan Mengikut Bangsa, 2004



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 5 di atas menunjukkan pecahan peratus Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2004 di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Berdasarkan carta tersebut menunjukkan bangsa Cina merupakan pemeluk agama Islam yang teramai iaitu sebanyak 29 % dikuti oleh masyarakat peribumi Sabah Sarawak 24%. Bangsa India 18%, Eropah, Filipina dan lain –lain bangsa 4%, Indonesia 1%, Punjabi 3%, Jepun 1% dan Thailand 2% dan bangsa Serani 1% dan Asli seramai 2%.


Carta 6: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2004



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 6 pula menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru bagi tahun 2004 yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Kristian 359 orang, Hindu 147 orang, Buddha 166 orang dan lain-lain agama seramai 130 orang.


d) Data Saudara Baru Pada Tahun 2005 Yang Berjumlah 594 Orang.



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 7 di atas menunjukkan pecahan peratus Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2005. Bangsa Cina merupakan pemeluk agama Islam yang teramai iaitu sebanyak 28 % dikuti oleh masyarakat peribumi Sabah Sarawak 25%, bangsa India 19%, Eropah 4%, Filipina 6%, Indonesia 1% dan lain –lain bangsa 10%, Punjabi 2%, Jepun 1% dan Thailand 2% dan Asli sebanyak 2%

**Carta 8: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2005**




Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 8 pula menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru pada tahun 2005 iaitu Kristian seramai 278 orang, Hindu 103 orang, Buddha 120 orang dan lain-lain agama seramai 82 orang.

e) Data Saudara Baru Pada Tahun 2006 Yang Berjumlah 517 Orang


Carta 9: Peratus Pecahan Mengikut Bangsa, 2006



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 9 menunjukkan pecahan peratus Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2006 di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2006 bilangan masyarakat peribumi Sabah Sarawak 31% adalah bangsa yang tertinggi memeluk Islam diikuti oleh bangsa Cina 24 %, bangsa India 19%, Eropah 4%, Filipina 5% lain –lain bangsa 8%, Punjabi 2%, Jepun 1%, Thailand 2%, bangsa Serani 1% Indonesia 2% dan Asli sebanyak 1%.

Carta 10: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2006




Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 10 menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru pada tahun 2006 iaitu agama Kristian adalah bilangan yang tertinggi sebanyak 265 orang berbanding agama-agama lain seperti Hindu 90 orang, Buddha 111 orang dan lain-lain agama 51 orang.

f) Data Saudara Baru Pada Tahun 2007 yang berjumlah 314 Orang


Carta 11: Peratus Pecahan Mengikut Bangsa, 2007



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 11 menunjukkan pecahan peratus Saudara Baru mengikut bangsa yang memeluk agama Islam pada tahun 2007. Masyarakat peribumi Sabah Sarawak menduduki tempat yang teratas iaitu sebanyak 28%, bangsa Cina 24 % bangsa India 19%, Eropah 2%, Filipina 5% lain –lain bangsa 16 %, Punjabi 1%, Jepun 0%, Thailand 1%, bangsa Serani 1% Indonesia 2% dan Asli sebanyak 1%.

Carta 12: Perbezaan Mengikut Agama Asal, 2007



Sumber: Laporan Statistik Jumlah Pendaftaran Masuk Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2000 hingga 2007, disediakan oleh Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Carta 12 pula menunjukkan perbezaan agama asal Saudara Baru tahun 2007 iaitu Kristian seramai 180 orang, Hindu 57 orang, Buddha 67 orang dan lain-lain agama seramai 37 orang.

Daripada keseluruhan data-data yang dikutip berkenaan pemelukan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2002 hingga tahun 2007 menunjukkan bangsa Cina yang diikuti oleh masyarakat Sabah dan Sarawak merupakan bangsa teramai

memeluk agama Islam, dan diikuti pula oleh bangsa India. Manakala dari aspek agama, didapati mereka yang berasal daripada penganut Kristian adalah paling tinggi menukar agama dari agama asal mereka ke agama Islam serta diikuti oleh penganut agama Buddha dan seterusnya penganut agama Hindu. Apa yang dapat diperhatikan daripada data-data ini ialah pemelukan penganut-penganut agama lain ke dalam agama Islam di sepanjang tahun 2002 hingga 2007 adalah di antara yang paling tinggi iaitu 851 orang dan yang paling rendah ialah 314 orang. Ini menjelaskan bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat ramai masyarakat bukan Islam telah mendaftarkan diri sebagai pemeluk agama Islam yang baru. Walaubagaimana pun data ini tidak mengambil kira para Saudara Baru yang tidak mendaftar secara rasmi.

### **3.3 PERMASALAHAN YANG DIHADAPI OLEH SAUDARA BARU**

Saudara Baru merupakan masyarakat Islam yang dimuliakan oleh Allah S.W.T. Mereka perlu diberi bimbingan dan didikan agama Islam bagi memantapkan keimanan dan keyakinan mereka terhadap ajaran Islam dan Allah S.W.T. Dari segi ajaran Islam, para Saudara Baru berhak mendapat zakat, hak untuk hidup seperti orang Islam yang lain dan lain-lain lagi.<sup>175</sup> Dari segi perundangan mereka mempunyai hak yang sama seperti orang-orang Islam yang lain. Begitu juga mereka mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang sama terhadap Islam. Jika mereka melanggar undang-undang seperti berkhawat, berzina, minum arak, berjudi, murtad, tidak berpuasa mereka harus diambil

---

<sup>175</sup> Abdullah Yusof, Ph.D & Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (2010), "Perananya Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Baru", m/s 510 dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

tindakan yang sewajarnya selaras dengan undang-undang supaya mereka insaf dan tidak mengulangi perkara-perkara yang terkutuk tersebut.<sup>176</sup>

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ramai Saudara Baru menghadapi masalah sebelum dan setelah memeluk agama Islam. Masalah atau cabaran ini secara langsung menduga naluri hati mereka untuk meneruskan hidup sebagai penganut agama Islam.<sup>177</sup> Ada yang menerima semua dugaan ini sebagai satu cabaran dalam kehidupan alam baru sebagai seorang Muslim. Ada juga menerima cabaran dan masalah ini sebagai beban, membosankan dan sungguh menyakitkan dalam kehidupan harian mereka sehingga ada yang tewas dalam hasutan syaitan lalu menjadi murtad dengan kembali kepada agama lama.<sup>178</sup>

Di antara masalah-masalah dan cabaran yang dikenalpasti dihadapi oleh para Saudara Baru ialah seperti berikut:-

**(a) Tekanan daripada ahli keluarga dan saudara mara**

Ramai ibu-bapa tidak setuju anak-anak mereka menukar agama asal mereka. Mereka takut perbuatan menukar agama dalam kalangan ahli keluarga boleh menjatuhkan maruah dan air muka ibu bapa, keluarga dan keturunan dalam kalangan orang ramai terutamanya saudara mara dan jiran-jiran. Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan Saudara Baru , yang menyara, mendidik dan membesarkannya sejak kecil lagi

---

<sup>176</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>177</sup> Abdullah Yusof, Ph.D & Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (2010), “Peranana Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Baru”, m/s 517 dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

<sup>178</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

secara penuh kasih sayang. Maka adalah menjadi satu kesalahan besar sekiranya mereka menyuarakan hasrat untuk bertukar agama dan meninggalkan agama asal, bahkan dianggap derhaka.<sup>179</sup> Ibu bapa dan ahli keluarga Saudara Baru yang lain takut akan dikritik, diejek atau dipulau oleh masyarakat sekelilingnya kerana tindakan Saudara Baru memeluk agama Islam. Oleh kerana itu lazimnya ahli keluarga individu yang telah memeluk agama Islam akan bertindak pelbagai cara bagi memastikan tiada sesiapa dari ahli keluarganya memeluk agama Islam.<sup>180</sup>

Bentuk-bentuk tekanan yang pernah diterima oleh Saudara Baru daripada ahli keluarga ialah seperti berikut:<sup>181, 182</sup>,

- i) Dimarahi dan disindir oleh ahli keluarga,
- ii) Dipulau oleh ahli keluarga.
- iii) Tidak dibenarkan beribadat cara Islam oleh ahli keluaraga
- iv) Diberi makan benda-benda haram secara rahsia.
- v) Tidak disertakan dalam kegiatan harian seperti makan bersama.
- vi) Diberhentikan dari sekolah.
- vii) Dihantar tinggal di kuil-kuil atau tempat-tempat ibadah lain.
- viii) Dikasari seperti dipukul dan dilukai dan dihalau dari rumah.

---

<sup>179</sup> Abdullah Yusof, Ph.D & Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran (2010), “Peranan Badan Kerajaan Dan NGO Dalam Membantu Menangani Cabaran Saudara Baru”, m/s 519 dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa pada 9-10 Oktober 2010*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

<sup>180</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22hb Mac 2010 di Pejabat MACMA, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur, jam 5.00 petang.

<sup>181</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

<sup>182</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

ix) Diugut bunuh.

Rata-rata Saudara Baru akan menghadapi tekanan atau cabaran ini melainkan yang memeluk Islam bersama-sama keluarga ataupun mereka adalah yatim piatu yang hidup sebagai sebatang kara.

**(b) Tekanan di tempat kerja**

Ada juga Saudara Baru setelah memeluk agama Islam menerima tekanan di tempat kerja daripada kalangan kawan-kawan dan ketua seagama dahulu dan juga daripada kawan-kawan Islam sendiri. Kawan-kawan sekerja mempersendakan dengan kata-kata kurang senang untuk didengar seperti membuat tohmahan kononnya ramai Saudara Baru pura-pura memeluk Islam, memeluk Islam sebab nak naik pangkat, kerana hendak berkahwin dengan orang Melayu, kerana berkehendakkan taraf Bumiputra, lesen perniagaan, tanah dan sebagainya.<sup>183</sup>

Terdapat juga rakan-rakan kerja yang mengamalkan budaya kerja negatif cuba mempengaruhi Saudara Baru untuk mengambil rasuah, ponteng kerja, mendedahkan maklumat tempat kerja kepada orang awam untuk ganjaran wang, lewat datang kerja dan sebagainya. Fenomena sebegini memang kurang disenangi kerana harapan seseorang Saudara Baru untuk menjadi seorang pekerja yang tekun, amanah, jujur dan berdedikasi akan terbantut. Seseorang Saudara Baru mungkin dipulaukan oleh rakan-rakan setugas sekiranya enggan bersubahat dengan mereka yang mengamalkan budaya kerja negatif.

---

<sup>183</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh, Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

Situasi ini boleh menyebabkan integriti seseorang Saudara Baru di tempat kerja merosot.<sup>184</sup>

Keruntuhan intergeriti bekerja seseorang Saudara Baru boleh memberi kesan terhadap Saudara Baru yang lain. Tanggapan masyarakat terhadap Saudara Baru juga akan menjadi negatif kerana perbuatan seseorang Saudara Baru yang tidak berintegriti.

### (c) Masalah tempat belajar kurang sesuai.

Sebagai Saudara Baru, terlalu banyak ilmu agama yang boleh dipelajari untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Seseorang Saudara Baru akan mengadapi masalah jika tempat belajar agama seperti di JAWI atau PERKIM jauh dari tempat tinggal mereka. Mereka terpaksa berulang alih jauh dari rumah ke tempat belajar. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat hadir kelas selalu atau peratusan menghadiri kelas akan tergugat dan ada pula lama kelamaan yang berhenti belajar di kelas pengajian agama anjuran JAWI dan PERKIM atau oleh mana –mana pusat pengajian anjuran NGO. Akibat daripada situasi ini, ilmu agama terutamanya, ilmu fardu ain tidak dapat diterima oleh para Saudara Baru yang memeluk agama Islam.<sup>185</sup>

Masalah kewangan yang dihadapi oleh Saudara Baru untuk menampung tambang kenderaan yang agak mahal seperti tanbang bas dan taxi juga boleh membantutkan peratusan kehadiran Saudara Baru ke kelas-kelas pengajian Saudara Baru. Walaupun pihak JAWI dan PERKIM menyediakan elaun kehadiran kelas dalam bentuk wang tunai

---

<sup>184</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>185</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

namun elaun itu hanya dibayar pada hujung bulan. Tanpa mendapat didikan agama yang sempurna boleh menjaskan pegangan ahklak dan akidah seseorang Saudara Baru.<sup>186</sup>

**(d) Masa kelas pengajian tidak sesuai**

Waktu anjuran kelas-kelas bimbingan agama oleh pihak JAWI, PERKIM dan beberapa persatuan NGO juga tidak sesuai untuk para Saudara Baru. Biasanya kelas ini diadakan pada waktu pejabat iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan bersambung semula dari pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang. Oleh yang demikian ramai Saudara Baru yang bekerja tidak dapat hadir kelas-kelas pengajian agama Islam yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan. Pihak JAWI pernah mengadakan kelas pengajian pada waktu pagi, petang dan malam satu ketika dahulu. Tetapi apabila pihak JAWI membatalkan kelas di sebelah malam, ramai Saudara Baru yang bekerja merata tempat di pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta tidak dapat hadir kelas pada waktu bekerja. Oleh yang demikian tempat pergantungan untuk mencari ilmu agama terjejas di kalangan Saudara Baru terutamanya yang bekerja waktu pejabat.<sup>187</sup>

**(e) Tenaga pengajar kurang berpengalaman.**

Tenaga pengajar yang kurang sesuai atau kurang mahir dari segi pengalaman dipilih untuk mengajar para Saudara Baru, menyebabkan mereka menerima pengajaran agama yang kurang memuaskan dan adakalanya menerima pelajaran songsang. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ramai Saudara Baru yang tidak mahu

---

<sup>186</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>187</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

meneruskan pengajian mereka di pusat-pusat pengajian yang disediakan untuk Saudara Baru kerana tidak setuju dengan cara kelas dikendalikan.<sup>188</sup>

Terdapat beberapa kes Saudara Baru dimarahi oleh tenaga pengajar atau dimalukan dalam kalangan Saudara Baru baru yang lain jika sesuatu pelajaran itu tidak dapat difahaminya. Contohnya jika seseorang Saudara Baru tidak pandai mengaji atau menyebut sesuatu perkataan dalam al-Qur'an dengan betul, tenaga pengajar akan memarahinya dengan kata-kata kurang elok seperti bodoh, tak pandai-pandai juga walaupun dah banyak kali diajar, kalau tak pandai sebut atau baca ayat al-Qur'an jangan datang kelas atau diketawakanya di hadapan Saudara Baru yang lain. Insiden seumpama ini menyebabkan Saudara Baru terasa malu dan tidak datang lagi ke kelas pengajian. <sup>189</sup>

Terdapat juga lain kes tenaga pengajar tidak mahir dalam bidang yang diajarnya. Adakalanya mereka mengajar dengan tidak betul. Situasi ini mengelirukan para Saudara Baru. Contohnya ada tenaga pengajar yang mengeluarkan kenyataan untuk menakut-nakutkan Saudara Baru seperti berkata sesiapa yang keluar daripada Islam akan dihukum bunuh selaras dengan ayat-ayat yang terkandung dalam al-Qur'an. Apabila ada Saudara Baru tanya kepada tenaga pengajar tersebut ayat mana yang menyebutkan perkara tersebut, tenaga pengajar secara spontan menjawab apa-apa surah yang terlintas dalam fikirannya. Apabila seseorang Saudara Baru mencari ayat tersebut dalam buku-buku terjemahan al-Qur'an, ayat tersebut tidak dijumpai. Maka kepercayaan terhadap

---

<sup>188</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>189</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

kebolehan tenaga pengajar itu akan berkurangan. Kadang-kadang Saudara Baru ini akan terkeliru dengan ajaran mereka.<sup>190</sup>

Tenaga pengajar juga sering membuang masa dengan berbual-bual kosong dengan pelajar semasa di dalam kelas , lambat memulakan pengajian, lewat datang ke kelas dan ada kalanya tidak hadir ke kelas dan sebagainya.<sup>191</sup>

Isu bahasa turut menimbulkan masalah. Terdapat ramai Saudara Baru dari kalangan pelbagai bangsa dan bahasa. Kebanyakan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berdaftar di kelas bimbingan agama Islam anjuran JAWI, PERKIM, ABIM dan MACMA terdiri daripada pelbagai bangsa seperti bangsa Indonesia, Filipina, Sikh, Tamil, Cina , Kampuchea, Eropah dan lain-lain lagi. Lazimnya kelas pengajian Saudara Baru di PERKIM, JAWI dikendalikan dalam bahasa Melayu manakala di MACMA di dalam bahasa Mandarin dan di ABIM dalam bahasa Melayu dan English. Penggunaan bahasa Melayu kurang difahami oleh Saudara Baru dari bangsa asing seperti Filipina, Vietnam, Kampuchea, Thailand, India dan lain-lain lagi dan sukar untuk mereka mengikuti kelas pengajian agama Islam dengan sempurna.<sup>192</sup>

Terdapat beberapa kes di mana tenaga pengajar tidak dapat menjawab soalan yang ditujukan kepadanya dengan betul atau tidak dapat menjawab dengan segera. Perkara ini

---

<sup>190</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

<sup>191</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>192</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

berlaku kerana tenaga pengajar ini tidak mempunyai kemahiran dalam bidang yang diajar. Bagi Saudara Baru yang lama memeluk Islam boleh faham bidang tersebut, dan dapat memahami yang tenaga pengajar tersebut kurang arif tentang apa yang diajarnya.<sup>193</sup>

Beberapa tenaga pengajar yang tidak bertanggungjawab pula biasanya memberikan soalan yang bakal keluar dalam peperiksaan kepada Saudara Baru. Walaupun sedar bahawa peperiksaan ini diadakan untuk menilai prestasi dan pengetahuan tentang kefahaman terhadap subjek-subjek yang diajar, namun setengah pengajar membocorkan soalan peperiksaan di luar kelas mahupun waktu peperiksaan sedang berlangsung. Tujuan membocorkan soalan-soalan peperiksaan ini adalah untuk meluluskan ramai Saudara Baru dan seterusnya untuk menyakinkan pengelola atau pihak pengurusan yang mengelolakan kelas-kelas pengajian agama Islam dalam kalangan Saudara Baru bahawa tenaga pengajar ini mampu dan berkebolehan memberi pendidikan kepada Saudara Baru yang belajar di tempat pihak pengelola kelas.<sup>194</sup>

Situasi negatif yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar sebegini boleh melahirkan para Saudara Baru yang kurang pandai dan mahir dalam bidang pengajian Islam. Ini juga bertentangan dengan ajaran Islam yang berkehendakkan setiap Saudara Baru diberi bimbingan agama Islam yang sahih untuk membolehkan para Saudara Baru mempraktikkan Islam dengan betul di dalam penghidupan harian mereka.

---

<sup>193</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>194</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

Selain itu telah berlaku satu insiden di kelas bimbingan agama yang mengemukakan soalan yang sukar dijawab oleh Saudara Baru yang masih baru memeluk agama Islam. Salah seorang tenaga pengajar mengemukakan soalan agar para Saudara Baru menyusun kembali ayat-ayat dari surah al-Kafirun seperti berikut:

Bil.	Ayat
1	قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ١
2	وَلَا إِنْسَمْ عَبْدُونَ مَا أَعْبُدُ ٥
3	لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ٦
4	لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِ ٧
5	لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ٨
6	وَلَا إِنْسَمْ عَبْدُونَ مَا أَعْبُدُ ٩

Berdasarkan paparan tersebut di atas jelas bahawa Saudara Baru yang baru memeluk agama Islam sukar untuk melakukannya. Perihal ini ditegur oleh Saudara Baru yang lama memeluk Islam dan tenaga pengajar tersebut tetap dengan pendiriannya.<sup>195</sup>

Ini memperlihatkan bahawa tenaga pengajar tersebut melakukannya sambil lewa dan tidak cermat. Penulis berpendapat bukan 1 jam, malah walaupun mengambil masa 10 hari sekali pun, ayat-ayat tersebut tidak dapat disusun semula kedudukannya untuk membentuk surah al'Kafirun. Sewajarnya tenaga pengajar tersebut menyemak kembali

<sup>195</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam. di salah satu kelas bimbingan agama.

setiap soalan tersebut sebelum diedarkan kepada para Saudara Baru. Di sini juga kewibawaan seseorang guru kelas agama dalam membimbing Saudara Baru dapat dinilai oleh para Saudara Baru.<sup>196</sup>

#### (f) Had Umur Membenarkan Memeluk Agama Islam

Cabaran dari segi undang-undang juga menjadi salah satu masalah bagi Saudara Baru yang di bawah umur lapan belas tahun. Selain menghadapi tentangan dan halangan dari kaum keluarga, golongan ini juga terpaksa menghadapi cabaran batasan yang amat getir dari segi undang-undang Malaysia. <sup>197</sup>

Dalam perkara 12(3) Perlembagaan Persekutuan ada menyebut:

*“ Tidak sesiapapun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri ”.*

Begini juga dalam perkara 12(4) dengan jelas menyebut:

*“ Bagi maksud fasil (3) agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya ”.*

---

<sup>196</sup>Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam. di salah satu kelas bimbingan agama.

<sup>197</sup>Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

Peruntukan dalam perlumbagaan ini menjadi penghalang kepada para remaja yang ingin memeluk agama Islam secara sah mengikut undang-undang negara. Oleh yang demikian ramai remaja yang ingin sangat untuk memeluk agama Islam terpaksa memeluk Islam secara rahsia dan tidak dilindungi haknya di dalam undang-undang. Apabila seseorang remaja yang memeluk Islam secara rahsia dituntut oleh ahli keluarga kembali ke agama asal ia terpaksa kembali ke pangkuan keluarganya atau lari daripada rumah kerana peruntukan undang-undang tidak mengiktiraf mereka sebagai Saudara Baru.<sup>198</sup> <sup>199</sup>,

Seseorang remaja yang kembali kepangkuan keluarga biasanya akan diberi kata nasihat secara lembut supaya kembali ke agama asal dan kadang kala akan berakhir dengan penderaan mental dan fizikal sehingga ia kembali kepada agama asal. Terdapat juga ahli keluarga membuat penderaan terhadap ahli keluarganya yang memeluk agama Islam dengan pelbagai cara penderaan seperti memukul, mencaci, memulau, memasukan makanan haram dalam makanan dan ada yang sanggup membunuh. Akibat daripada peruntukan undang-undang ini ada remaja yang memeluk agama Islam sanggup kembali kepada penghayatan agama asal dan menjadi murtad.

Masalah lain yang timbul daripada peruntukan had umur pemelukan Islam dalam perundangan ialah apabila seseorang yang bawah umur 18 tahun yang memeluk agama Islam secara rahsia meninggal dunia, maka keluarga non- Muslim boleh menuntut

---

<sup>198</sup> Temubual dengan Tokoh pendakwah PERKIM Ustaz Muhammad Fitri bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010

<sup>199</sup> Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

mayatnya untuk dikebumikan secara adat istiadat agama asal si mati. Kerajaan atau mahkamah tidak boleh menghalang keluarga asal Saudara Baru yang meninggal dunia untuk menguruskan mayat Saudara Baru mengikut agama asal kerana mereka berhak untuk berbuat demikian kerana tidak didaftarkan secara rasmi sebagai orang Muslim.<sup>200</sup>

#### **g ) Peruntukan Undang-Undang Terhadap Orang Yang Murtad Yang Longgar**

Peruntukan undang-undang yang longgar dan kurang jelas menyebabkan ramai Saudara Baru yang kurang beriman atau tidak beriman mudah keluar dari agama Islam dan kembali kepada agama asal. Mereka yang murtad ini biasanya memberi gambaran yang negatif kononnya Islam tidak bagus, zalim dan sebagainya kepada penganut agama lain. Ini mengakibatkan ramai yang bukan Islam yang percayakan kata-kata mereka dan menganggap agama Islam sebagai agama yang zalim. Selain itu dalam kalangan yang telah murtad juga terdapat ada pihak yang cuba mempengaruhi individu Muslim supaya keluar daripada agama Islam dan seterusnya memeluk agama lain.<sup>201</sup>,<sup>202</sup>

Lazimnya perbuatan murtad dalam kalangan Saudara Baru berlaku kerana beberapa sebab berikut:

- i ) Sebilangan besar Saudara Baru yang murtad tersebut memeluk Islam atas kepentingan-kepentingan tertentu dan bukan ikhlas kerana Allah

---

<sup>200</sup> Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

<sup>201</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

<sup>202</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam. di salah satu kelas bimbingan agama.

SWT . Apabila hasrat dan keinginan tersebut tidak diperolehi, maka mereka kembali kepada agama asal.

- ii ) Murtad juga berlaku kerana tekanan yang berterusan dari kaum keluarga. Kaum keluarga mengugut Saudara Baru dengan pelbagai cara sehingga ada yang sanggup membunuh. Jika Saudara Baru tidak dilindungi oleh masyarakat tempatan yang beragama Islam mahupun pihak berkuasa, potensi untuk Saudara Baru itu murtad adalah terlalu tinggi.<sup>203</sup>
- iii) Murtad juga berlaku kerana kegagalan rumahtangga (pengabaian dan perceraian). Terdapat Saudara Baru sama ada lelaki atau perempuan yang berkahwin dengan orang-orang Islam. Tetapi apabila diabaikan dari segi didikan agama, nafkah zahir dan batin oleh pasangan mereka yang lahirnya Islam dan kerana tekanan hidup menjadi salah satu sebab mengapa kejadian murtad berlaku.<sup>204</sup>
- iv ) Perbuatan Murtad juga berlaku kerana tidak menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan harian mereka secara mutlak. Walaupun telah memeluk Islam Saudara Baru ini masih

---

<sup>203</sup> Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

<sup>204</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam. di salah satu kelas bimbingan agama.

mengamalkan budaya hidup agama mereka yang lama seperti percaya kepada beberapa ciri dalam agama asal dalam kehidupan mereka. Golongan seperti ini mudah terpesong akidahnya lalu menjadi murtad. Walaupun ada yang tidak berhasrat murtad tetapi amalan mereka seperti mempercayai budaya dan ajaran asal telah menjadikan mereka murtad walaupun mereka tidak sedar hakikat tersebut.<sup>205</sup>

#### **( h ) Kehilangan Hak Untuk Mendapatkan Harta Pusaka**

Apabila memeluk agama Islam, seseorang Saudara Baru biasanya akan hilang hak untuk mewarisi harta pusaka keluarga. Ahli keluarga yang marah dengan tindakan salah seorang ahli keluarganya yang memeluk agama Islam tanpa restu mereka akan berpaktat untuk mengambil semua hak yang kepunyaan Saudara Baru termasuk hak ke atas harta pusaka. Keadaan ini boleh menjadi serius sehingga yang kurang beriman setelah memeluk agama Islam, kembali kepada agama asal. Mereka berbuat demikian untuk mendapatkan hak pewarisan terhadap harta pusaka mereka.<sup>206</sup>

#### **( i ) Pandangan Negatif Masyarakat Melayu Tempatan**

Pandangan negatif dan prejudis dari masyarakat Melayu juga merupakan masalah kepada Saudara Baru. Ini merupakan cabaran yang berakar umbi dalam konteks keIslamahan Saudara Baru terutamanya Saudara Baru Cina. Beberapa orang

---

<sup>205</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur, JAWI PutraJaya, Konvensyen Saudara Baru di Kuala Lumpur iaitu setelah pengkaji memeluk agama Islam.

<sup>206</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

Saudara Baru Cina yang penulis sempat temui menyatakan bahawa pada peringkat awal pemeluk Islam, cabaran yang terpaksa dihadapi selain dari kemarahan anggota keluarga dan masyarakat Cina ialah masalah penerimaan dari masyarakat Melayu yang beragama Islam. Kebanyakan anggota masyarakat Melayu menganggap kemasukan Islam golongan seperti mereka adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain itu mereka juga dianggap sebagai golongan Islam kelas dua. Terdapat juga Saudara Baru tidak dibenarkan aktif dalam aktiviti-aktiviti keagamaan seperti melaungkan azan di surau atau masjid , menjadi imam atau berkecimpung dalam masjid dan surau.<sup>207</sup>

Masalah lain yang terpaksa dihadapi adalah pandangan masyarakat Melayu Muslim yang mahu melihat mereka hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam ( termasuk juga amalan dan kebudayaan Melayu ). Sekiranya mampu hidup seperti orang Melayu, mereka dengan senang akan diterima oleh masyarakat tersebut dan begitu jugalah sebaliknya. Fenomena ini berlaku kerana secara umumnya masyarakat Melayu dan Cina telah menganggap bahawa masuk Islam adalah masuk Melayu.<sup>208</sup>

#### **(j) Bidang Pekerjaan Yang Tidak Sesuai Dengan Islam**

Sebahagian daripada Saudara Baru sebelum memeluk agama Islam bekerja di tempat-tempat yang dilarang atau kurang baik untuk pengikut agama Islam seperti bekerja di pusat-pusat perjudian dan arak , pusat-pusat hiburan seperti diskو, pub dan

---

<sup>207</sup> Pemerhatian penulis semasa berada di salah sebuah surau di Kelana Jaya, Petaling Jaya pada bulan Ogos 2005.

<sup>208</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

kelab malam. Selepas memeluk agama Islam, golongan ini berada dalam kekeliruan di antara dua keadaan iaitu sama ada untuk meneruskan pekerjaan atau tidak. Sekiranya meneruskan pekerjaan individu tersebut terpaksa bekerja dengan mengetepikan tuntutan agama atau mencari kerja lain bagi menyara diri dan keluarga.<sup>209</sup>

Lumrahnya untuk mencari sesuatu pekerjaan baru bukanlah suatu perkara mudah. Selain itu, terdapat juga Saudara Baru yang mendapat tekanan daripada majikan. Majikan yang bukan Islam sanggup memberi tekanan kepada Saudara Baru yang memeluk Islam supaya ia kembali kepada agama asal. Di antara tekanan yang dikenakan oleh yang bukan Islam kepada para Saudara Baru ialah seperti berikut:-

- i ) Tidak dinaikkan pangkat dan gaji.
- ii ) Tidak atau kurang diberi insentif seperti elaun kerja, bonus dan lain-lain.
- iii) Peluang latihan kurang atau tiada langsung.
- iv) Diberi kerja yang banyak dan kurang munasabah.
- v) Tidak dihargai usaha-usaha Saudara Baru yang menaikkan produktiviti di tempat kerja.

#### ( k ) Tiadanya Keselarasan Aktiviti Dakwah

Tiadanya keselarasan aktiviti dakwah di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta serta organisasi-organisasi tertentu dan kekurangan bahan bacaan yang sesuai. Senario ini akan membawa kepada kepelbagai bentuk dan pendekatan dakwah yang sudah semestinya sedikit sebanyak mengelirukan Saudara Baru dalam memahami dan

---

<sup>209</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

menghayati Islam. Kekurangan bahan-bahan rujukan seperti buku, risalah tentang Islam dan sebagainya pula akan memburukkan lagi keadaan.<sup>210</sup>

Walupun terdapat agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti pihak JAKIM, JAWI, PERKIM, MACMA dan sebagainya menerbitkan bahan-bahan bacaan yang mudah dalam pelbagai bahasa, namun ianya masih lagi terhad dan kurang mencukupi untuk menampung keperluan para pembaca.

Selain itu satu kelemahan dari segi pendaftaran Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur. Jika seseorang yang ingin memeluk agama Islam bukan bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, maka dia tidak boleh didaftarkan sebagai Saudara Baru.. Mengikut peraturan JAWI hanya mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja yang dibenarkan berdaftar sebagai Saudara Baru di JAWI.<sup>211</sup>

Persolannya apakah akan terjadi kepada individu yang ingin memeluk agama Islam tetapi tidak dapat didaftarkan kerana status bermastautin, meninggal dunia beberapa jam selepas mengucap. Sudah pasti jenazahnya tidak dapat disempurnakan mengikut ajaran Islam, sekiranya dituntut oleh ahli keluarganya kerana tiada apa-apa rekod dicatat untuk membuktikan si mati itu telah memeluk agama Islam walaupun ia telah mengucap dua kalimah syahadat secara sah.

---

<sup>210</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang

<sup>211</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur dan JAWI PutraJaya,

## **I) Sukar Mendapat Pekerjaan**

Ramai Saudara Baru tidak mendapat pekerjaan tetap, turut merupakan salah satu masalah yang serius. Ada yang gagal mendapat pekerjaan yang stabil di sektor awam mahupun sektor swasta walaupun telah lama memeluk agama Islam. Untuk menampung kehidupan harian mereka terpaksa bekerja sambilan di pasar, kilang, kedai-kedai runcit , pasaraya, restoran, gerai makanan dan ada juga berniaga secara kecil-kecilan seperti menjual buku-buku agama, sarung kaki dan sebagainya yang biasanya mendapat pendapatan yang murah. Adakalanya para Saudara Baru yang gagal mendapat kerja tetap sanggup berkerja dengan membuat kerja-kerja yang ditegah oleh Islam seperti menjual barang-barang curi dan seludup. Walaupun mendapat bantuan duit zakat, namun tidak mencukupi. Masalah sukar untuk mendapatkan kerja tetap ini menyukarkan lagi masalah kewangan yang sedia ada bagi beberapa Saudara Baru dalam usaha meneruskan kehidupan harian seperti individu lain.<sup>212</sup>

## **(m) Masalah Saudara Baru Sendiri Selepas Memeluk Agama Islam**

Terdapat ramai Saudara Baru yang enggan atau sengaja tidak mahu mengikut cara hidup Islam sebagai mana yang dituntut oleh Islam. Walaupun telah diberi bimbingan Islam dan diajar cara hidup yang dituntut oleh Islam,namun apabila dibuat kajian secara tinjauan ramai yang gagal mempraktikan cara hidup Islam yang sebenar. Perbuatan mereka ini sebenarnya memberi gambaran atau imej yang tidak baik kepada bukan Islam seperti ahli

---

<sup>212</sup> Temubual dengan pegawai MACMA Haji Ann Wan Seng pada 22. Mac 2010 di Pejabat MACMA jln. Ipoh ,Kuala Lumpur jam 5.00 petang.

keluarga, kawan-kawan dan orang ramai. Contoh amalan hidup yang menjelaskan nama baik Islam ialah seperti berikut:

- i) Ramai Saudara Baru dari kaum wanita masih tidak mahu menutup aurat di khalayak ramai walaupun mereka sedar perbuatan tersebut adalah berdosa. Dari tinjauan juga didapati Saudara Baru dari kalangan wanita ini akan memakai tudung untuk menutup aurat mereka apabila ke kelas bimbingan agama atau menghadiri apa-apa majlis yang berkaitan agama seperti majlis tahlil, maulidur rasul, sambutan hari hijrah, kematian dan lain-lain. Namun apabila selesai kelas atau majlis keagamaan mereka dengan tidak segan silu membuka tudung mereka dan mendedahkan aurat mereka. Mereka juga sering tidak menutup aurat mereka apabila berada di pusat-pusat membeli belah dan tempat-tempat rekreasi awam.<sup>213</sup>
- ii) Saudara Baru dari kalangan lelaki juga sering mengamalkan budaya hidup lampau walaupun telah bergelar sebagai individu muslim. Mereka masih mengamalkan aktiviti-aktiviti lama yang secara terang-terangan dilarang oleh Islam seperti membeli nombor ekor, berjudi, hadiri pusat-pusat hiburan yang aktivitinya bertentangan dengan ajaran Islam, mengamalkan budaya rasuah, minum arak, berzina dan sebagainya. Mereka terjerumus di dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menjelaskan akidah mereka. Mereka tidak bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahkan mereka hidayah yang tidak ternilai dan tak boleh dijual beli.<sup>214</sup>

---

<sup>213</sup> Pemerhatian penulis ikut serta dalam pelbagai program berkaitan Saudara Baru sejak tahun 1990 hingga sekarang dalam program pengajian kelas agama Islam di JAWI Kuala Lumpur dan JAWI PutraJaya,

<sup>214</sup> Temubual dengan pendakwah PERKIM Ustaz Amran bin Abdullah di Konvensyen Saudara Muslim di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 30 November 2010.

iii) Dari tinjauan juga di dapati terdapat Saudara Baru yang mengamalkan perbuatan mengumpat, menipu, berfoya-foya, bertengkar, malas dan tidak menghormati individu lain yang lebih tua daripada mereka. Walaupun ramai di antara mereka yang telah memeluk agama Islam namun sikap dan perbuatan daripada amalan dalam agama asal masih tersirat dalam jiwa mereka.

iv) Tinjauan penulis juga mendapati ramai Saudara Baru tidak menunaikan Rukun Islam secara penuh seperti tidak melakukan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji walaupun berkemampuan. Mereka berjaya menunaikan Rukun Islam yang pertama tetapi rukun-rukun lain gagal dilakukan seperti yang ditetapkan oleh Islam. Mereka tidak serius untuk melakukan atau menunaikan Rukun Islam yang lain secara bersungguh-sungguh untuk menjadikan diri mereka sebagai seorang hamba yang beriman dan bertaqwa disisi Allah S.W.T. Begitu juga mereka gagal mematuhi atau menerapkan Rukun Iman di dalam diri mereka.

v ) Penulis juga mendapati ramai Saudara Baru enggan menuntut ilmu agama di kelas-kelas bimbingan agama atau enggan hadir majlis-majlis agama yang diadakan di masjid, surau atau di majlis-majlis keagamaan di tempat-tempat lain. Perkara ini terjadi mungkin mereka kurang mengetahui atau tidak sedar langsung pentingnya menuntut ilmu agama Islam untuk dijadikan bekalan diri atau benteng ketahanan diri supaya tidak terjerumus dalam kesesatan akibat godaan iblis dan syaitan.

---

Mereka kurang menghayati ilmu Tauhid, Figh, Fardu Ain dan Al'Qur'an. Oleh kerana itu ramai Saudara Baru masih tidak mendapat menikmati kemanisan Islam, keseronakan alam ghaib, mimpi yang indah, keseronokan apabila diduga, mengetahui rahsia-rahsia yang terkandung dalam al'Qur'an dan sebagainya. Oleh yang demikian apabila diduga oleh Allah S.W.T dengan pelbagai dugaan terhadap mereka, terdapat beberapa Saudara Baru yang kecewa dan seterusnya cenderung untuk murtad kerana keruntuhan akidah.

### **3.4 KESIMPULAN**

Difahamkan para Saudara Baru yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada pelbagai bangsa, agama asal, kaum, umur, pekerjaan, kelayakan akademik dan sebagainya. Setiap Saudara Baru yang berdaftar di JAWI sebagai Saudara Baru mestilah bermastautin di Wilayah Persekutuan. Tidak dinafikan juga apabila bergelar sebagai Saudara Baru pelbagai masalah menimpa para Saudara Baru seperti mana yang dinyatakan oleh penulis di atas. Walaupun sebagai orang Islam kita sedar setiap individu akan diduga oleh Allah S.W.T , adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam memahami masalah-masalah Saudara Baru dan berusaha berungguh-sungguh membantu Saudara Baru untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka supaya pegangan agama dalam kalangan para Saudara Baru terus mantap. Usaha ini juga penting untuk mengelakkan insiden berlakunya murtad di dalam kalangan Saudara Baru.